

# Amaran jika 'ponteng' kerja

IPOH, Khamis.— Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh, hari ini memberi amaran beliau tidak akan teragak-agak mengambal tindakan segera ke atas kakitangan kerajaan yang "ponteng" kerja.

Dalam satu pertemuan di pejabatnya, beliau berkata kakitangan Kerajaan harus dedikasi setiap masa dan jangan hanya menunggu arahan "Untuk memberitahu mereka apa yang harus dilakukan."

"Mereka telah dewasa dan perlu tahu tanggungjawab masing-masing," tambahnya.

Ditanya sama ada Kerajaan Negeri akan memperkenalkan sistem

"Kad Perakam Waktu" untuk memastikan kedatangan waktu bekerja, Menteri Besar berkata:

"Kita mengalu-alukan langkah yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam."

Datuk Seri Haji Wan Mohamed menegaskan, beliau akan meneruskan "Lawatan-lawatan mengejut" untuk memastikan kelincinan di setiap pejabat Kerajaan.

"Pemeriksaan mengejut juga akan dibuat di kantin-kantin kerana saya telah menerima banyak aduan kononnya kakitangan Kerajaan menghabiskan masa begitu sahaja, sama ada minum, makan atau menemui kawan di waktu pejabat.

Beliau memberitahu, kakitangan Kerajaan kerja mestilah didahulukan dan "Sekiranya mereka mempunyai urusan peribadi mereka boleh lakukan di hari cuti."

Beliau menerangkan, pemeriksaan mengejut itu dilakukan untuk memastikan setiap mereka yang terlibat di jabatan berkenaan datang tepat pada waktunya dan sentiasa di tempat bekerja.

"Kalau saya selaku Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri yang begitu banyak dengan masalah perlu di atasi boleh datang ke pejabat jam 8.00 pagi dan balik jam 6.00 atau 6.30 petang setiap hari, tidak ada sebab kenapa kakitangan Kerajaan tidak boleh mencontohi sikap ini untuk datang bekerja mengikut jadual," katanya.